



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA
PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PENGURUS STADIUM DAN KOMPLEKS SUKAN (C.3-4 EB.5)
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PENGURUS STADIUM DAN KOMPLEKS SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau kelulusan yang sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Belia dan Sukan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.2 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu ketua bahagian dan unit dalam hal-hal berikut:
 - i. Pentadbiran dan pengurusan kakitangan;
 - ii. Merancang, melaksanakan dan memberi maklum tentang rancangan-rancangan sukan, kompleks dan kemudahannya;
 - iii. Merancang dan menyediakan anggaran belanjawan tahunan dan rancangan kemajuan kompleks sukan;
 - iv. Menyediakan jadual kerja-kerja pemeliharaan kompleks;
 - v. Menyelaras persiapan kelengkapan sukan padang dan gelanggang permainan;



- vi. Bertanggungjawab memastikan kutipan hasil pendapatan melalui penyewaan kemudahan-kemudahan sukan dan penjualan tiket dengan betul dan teratur;
 - vii. Menyediakan laporan bulanan dan tahunan bagi kompleks sukan termasuk penggunaan dan hasil pendapatan;
 - viii. Menyediakan daftar peralatan dan perkakas sukan (*inventory*) dan maklum balas pengauditan; dan
 - ix. Memelihara kesempurnaan dan keselamatan kompleks termasuk alat-alat kemudahan serta melaporkan segala kerosakan.
-
- 2. Terlibat sebagai jawatankuasa dalam aktiviti-aktiviti Jabatan; dan
 - 3. Menerima arahan tugas dari pegawai atasan dari masa ke semasa.